

# PPP mahu diperuntuk 21 kerusi DUN, 12 Parlimen

UM - 2 SEP 2002

KUALA LUMPUR 1 Sept. — Parti Progresif Penduduk (PPP) mahu diperuntukkan 21 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan 12 kerusi Parlimen pada pilihan raya umum akan datang.

Itu termasuk tuntutan kepada pucuk pimpinan Barisan Nasional (BN) supaya mengembalikan kesemua lapan kerusi Parlimen dan 18 DUN yang pernah dimenangi PPP pada masa lepas.

Ketua Pemuda PPP, T. Murugiah berkata, pihaknya juga mahu semua Menteri Besar dan Ketua Menteri melantik anggota PPP sebagai ahli Majlis Daerah dan Bandaran sebagai membalas budi parti itu yang sentiasa berdiri teguh di belakang BN.

Selain itu, tegasnya, pergerakan itu merayu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melantik presiden mereka, Datuk M. Kayveas sebagai Menteri Kabinet sejajar kedudukannya sebagai ketua sebuah parti komponen BN.

“PPP umpama sebatang lilin yang membakar dirinya sendiri untuk memberi cahaya kepada BN. PPP yang ditubuhkan pada 1953 merupakan parti yang kuat di Perak sebelum ini dan pernah

memenangi beberapa kerusi Parlimen dan DUN.

“Selepas itu, PPP tidak diperuntukkan kerusi lagi walaupun satu kerusi untuk ditandingi. Hari ini, situasi telah berubah dan kita telah menjadi parti yang amat kuat dan bersatu padu tanpa ada masalah Kumpulan A dan B,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Konvensyen Pemuda PPP di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Hadir sama Pengerusi Pemuda BN, Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan Kayveas.

PPP menyertai BN pada 1972 dan ketika itu ia mempunyai lapan kerusi Parlimen dan 18 DUN.

Keanggotaannya kini mencecah 320,000 orang, iaitu lapan kali ganda dari keahlian 1972 yang seramai 40,000 orang.

Dalam pada itu, Kayveas yang juga Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ketika ditemui mengangap tuntutan yang dibuat oleh ketua pemudaanya sebagai tepat pada masanya.

Tegasnya, ini kerana sehingga kini be-

lum ada kalangan 14 parti komponen memohon diperuntukkan pengagihan kerusi.

“Lagi pun persempadanan semula kerusi pilihan raya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) melibatkan tambahan 29 kerusi Parlimen dan 59 DUN.

“PPP pula memberi sokongan yang kuat kepada BN dan kita harap pengagihan kerusi berkaitan dengan merit,” katanya.

Ditanya sama ada PPP telah mengenal pasti kerusi-kerusi yang menarik minat mereka, Kayveas berkata:

“Kita sudah buat pemantauan tetapi terlalu awal untukumumkan, tunggulah masa yang sesuai,” katanya.

PPP memenangi lapan kerusi Parlimen dan 18 DUN atas tiket BN pada pilihan raya umum 1974.

Kali terakhir ia bertanding ialah pada pilihan raya umum 1986 dengan memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Hulu Kinta tetapi tewas di Pantai Remis dan Kepayang.